

11 MAY 2000

Mahathir>Nama

KERAJAAN BELUM PUTUSKAN PENGGUNAAN NAMA AGAMA DALAM PARTI POLITIK

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Kerajaan belum lagi membuat keputusan untuk melarang penggunaan nama yang dikaitkan dengan agama dalam parti politik, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya desakan yang dibuat oleh perwakilan semasa perbahasan pada hari pertama Perhimpunan Agung Umno di sini hari ini bukanlah baru dan sudah disuarakan oleh banyak orang.

Dr Mahathir berkata ada perwakilan yang mendesak kerajaan menggugurkan nama agama, bukan sahaja Islam tetapi juga agama lain kerana penggunaannya boleh menyebabkan kekeliruan.

"Umpamanya PAS berkata kerana dia adalah parti Islam, maka dia adalah Islam dan Islam adalah PAS. Dengan itu orang Islam keliru sehingga mereka menyokong PAS walaupun PAS membuat perkara-perkara yang bertentangan dengan Islam," katanya.

Beliau yang juga Presiden Umno berkata demikian pada sidang media pada hari pertama perhimpunan Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini ketika diminta mengulas saranan perwakilan yang mendesak kerajaan mengharamkan penggunaan nama Islam dalam PAS.

Dr Mahathir berkata mereka yang membuat desakan sedemikian menganggap perkataan Islam pada nama parti PAS atau perkataan agama lain dalam parti politik tidak harus dibenarkan kerana ini menimbulkan kekeliruan di kalangan penganut.

Ketika perbahasan, Wakil Pemuda Umno Ismail Tayib mendesak kerajaan mengambil tindakan menggugurkan perkataan "Islam" daripada nama mana-mana parti politik.

Ismail juga berkata kerajaan terlampau liberal dan memberi kebebasan sebelum pilihan raya umum lepas kepada akhbar Harakah walaupun desakan telah dibuat supaya tindakan diambil terhadap akhbar milik PAS itu.

Katanya penjualan akhbar itu mencapai 450,000 naskhah sehari dan apabila ia berjaya menanam kebencian rakyat terhadap kerajaan, maka sukar untuk kerajaan menanganinya.

-- BERNAMA

AR LAT